



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (102-119)

Vitaliti Dialek Melayu Perlis dalam Domain Keluarga dan Persahabatan

*¹Mohd Khaidir Abdul Wahab & ²Shamin Sharif

¹mohdkhaidir@usm.my & ²shaminsharif@usm.my

^{1,2} Universiti Sains Malaysia, Malaysia

*Penulis Koresponden

Tarikh terima : 29 Ogos 2025
Received
Terima untuk diterbitkan : 27 Oktober 2025
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025
Published online

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap vitaliti dialek Perlis dalam dua domain sosial utama, iaitu keluarga dan persahabatan, dengan memberi tumpuan kepada corak penggunaan, bentuk pertuturan, dan kesinambungan antara generasi dalam konteks kehidupan harian masyarakat tempatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berteraskan rakaman tidak sedar (naturalistik) bagi mendapatkan data autentik melalui enam sesi perbualan yang berlangsung secara spontan. Rakaman bagi domain keluarga dilaksanakan di tiga lokasi di Arau, iaitu Kampung Alor Merah, Pasar Raya Cmart, dan Taman RPA. Bagi domain persahabatan, data diperoleh di Nat Pokok Getah, Taman RPA, dan Bazar Ramadan. Analisis kajian berpandukan Teori Domain oleh Fishman dan Greenfield (1970) serta Kerangka Vitaliti Bahasa UNESCO (2011). Dapatan menunjukkan bahawa dialek Melayu Perlis masih digunakan secara aktif dalam kedua-dua domain, mencerminkan fungsi dialek sebagai medium komunikasi harian, tetapi juga sebagai lambang solidariti sosial dan jati diri tempatan. Penggunaan kosa kata seperti /haŋ/, /tʃeʔ/, /ralit/, /duk səlaʔ/ dan /bərdʒəʔəmbap/ keutuhan bentuk linguistik yang difahami dan digunakan merentas generasi. Berdasarkan indikator UNESCO (2011), dialek Melayu Perlis diletakkan pada tahap "selamat", tanpa gangguan dalam penurunan bahasa antara generasi. Kajian ini menegaskan peranan penting domain tidak formal sebagai benteng pelestarian bahasa warisan dan menyarankan dokumentasi serta pemerikasaan komuniti sebagai strategi kesinambungan linguistik yang efektif.

Kata kunci: vitaliti bahasa, dialek Perlis, domain sosial, keluarga, persahabatan, rakaman tidak sedar, sosiolinguistik

The Vitality of the Perlis Malay Dialect in the Domain of Family and Friendship

Abstract

This study aims to examine the vitality of the Perlis dialect within two primary social domains: family and friendship. It focuses on usage patterns, speech forms, and intergenerational continuity in the daily lives of the local community. Employing a qualitative approach grounded in unobtrusive (naturalistic) recordings, authentic data were obtained from six spontaneous conversational sessions. Recordings for the family domain were conducted at three locations in Arau, Perlis: Kampung Alor Merah, Cmart Supermarket, and Taman RPA. For the friendship domain, data were gathered at Nat Pokok Getah, Taman RPA, and the Ramadan Bazaar, also in Arau. Analysis was guided by the Domain Theory of Fishman and Greenfield (1970) and UNESCO's Language Vitality Framework (2011). Findings indicate that the Perlis dialect remains actively used in both domains, functioning not only as a medium of everyday communication but also as a symbol of social solidarity and local identity. The use of dialectal vocabulary such as "hang," "ceq," "ralit," "duk selak," and "berjeghembap" reflects

the linguistic integrity retained and understood across generations. According to UNESCO's vitality scale, the Perlis dialect is classified as "safe," with no observable disruption in intergenerational transmission. This study underscores the essential role of informal domains in safeguarding linguistic heritage and advocates for systematic documentation and community empowerment as effective strategies for ensuring language continuity.

Keywords: language vitality, Perlis dialect, social domain, family, friendship, naturalistic recording, sociolinguistics

1. Pengenalan

Setiap bahasa yang diujarkan oleh seseorang mampu memperlihatkan keperibadian, identiti, cara berfikir, dan persekitaran sosial individu sebagai bahasa komunikasi masing-masing (Julaina Nopiah & Noratikah Lawi, 2023). Dialek merupakan variasi bahasa yang dituturkan oleh sekelompok penutur tertentu di kawasan tertentu yang melampaui sempadan politik (Ainur Syakirah & Zuliana Zubir, 2022). Dialek adalah bentuk bahasa yang substandard, berstatus mudah dan bersifat kedesaan, dikaitkan dengan masyarakat petani atau golongan yang tidak bertaraf tinggi (Nur Habibah, Rahim Aman & Shahidi, 2019). Ia berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai simbol identiti tempatan dan warisan budaya sesebuah masyarakat. Menurut Ainur Syakirah dan Zuliana (2022), dialek dituturkan oleh kelompok penutur dalam kawasan tertentu yang kadangkala melampaui sempadan politik moden, sekali gus membuktikan bahawa sempadan linguistik tidak sentiasa selari dengan batas pentadbiran. Hal ini turut diperkuatkan oleh pandangan Asmah Omar (2008) yang mendefinisikan dialek sebagai sub-bahasa yang mencerminkan realiti pertuturan masyarakat dalam konteks tempatan, hasil dari interaksi panjang antara geografi dan struktur sosial. Dialek merupakan salah satu aspek penting dalam struktur sosiolinguistik sesebuah komuniti kerana ia berperanan sebagai medium komunikasi harian, tetapi juga sebagai simbol identiti, pewarisan budaya, dan penanda sempadan etnik dan geografi. Dalam konteks negeri Perlis, dialek Melayu Perlis mencerminkan warisan linguistik yang kaya hasil daripada pengaruh sejarah, kedudukan geopolitik, dan interaksi rentas sempadan. Sebagai negeri terkecil di Malaysia yang bersempadan dengan Kedah di selatan dan wilayah Satun serta Songkhla di Thailand di utara, dialek Melayu Perlis memperlihatkan ciri-ciri linguistik yang tersendiri berbanding dialek utara yang lain. Oleh yang demikian, kewujudan dialek memperlihatkan hubungan yang erat antara lokasi geografi dan perkembangan identiti linguistik yang bersifat setempat dan dinamik.

Menurut Asmah Omar (2008), dialek-dialek dalam bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam mengekalkan keaslian dan keunikan identiti etnik dalam kalangan komuniti penuturnya. Keupayaan sesuatu dialek untuk bertahan dalam arus pemodenan dan globalisasi banyak bergantung pada penggunaannya dalam domain sosial harian, khususnya dalam kalangan keluarga dan rakan sebaya. Dialek menjadi alat komunikasi generasi terdahulu, malah turut berfungsi sebagai pengikat sosial dan budaya yang menghubungkan komuniti setempat secara emosional dan identitatif. Namun, dalam landskap semasa yang semakin terarah kepada standardisasi bahasa, kedudukan dialek Melayu Perlis dilihat semakin terpinggir terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Dialek Perlis muncul sebagai salah satu cabang dialek Melayu Utara yang memperlihatkan keunikan tersendiri dari segi fonologi, kosa kata, serta struktur sintaksis. Walaupun berkait rapat dengan dialek Kedah dan sering digolongkan dalam kelompok yang sama, dialek Perlis mengekalkan sejumlah ciri yang membentuk identiti linguistiknya yang tersendiri. Kedudukan geografi negeri Perlis yang bersempadan dengan Kedah di selatan dan wilayah Satun serta Songkhla di Thailand di utara, meletakkan dialek ini dalam lingkungan pengaruh silang budaya yang signifikan. Sejarah hubungan antara masyarakat Perlis dengan penduduk wilayah selatan Thailand melalui perkahwinan campur, perdagangan, dan migrasi telah menyumbang kepada penyerapan unsur linguistik dari bahasa Thai, termasuk dalam aspek intonasi dan leksikal.

Menurut Asmah Omar (1993), dialek Melayu Kedah yang meliputi pertuturan dari Perlis hingga ke Perak Utara dan Pulau Pinang mempunyai ciri-ciri linguistik yang menyerlah dan mudah dikenalpasti. Namun, dialek Perlis tetap mengekalkan perbezaan tertentu yang membezakannya daripada dialek Kedah dominan, terutama dari aspek tempo, nada ucapan, dan gaya pertuturan yang berkait dengan gaya hidup agraria dan tradisi lisan tempatan. Kamus Dialek Perlis (1992) juga


mengesahkan bahawa walaupun wujud kesalingfahaman antara penutur dialek Melayu Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara tetap ada variasi-variasi mikro yang memperlihatkan keaslian dialek Perlis sebagai bentuk pertuturan yang berdikari dan signifikan dalam konteks negeri tersebut.

Dialek Melayu Perlis masih dituturkan secara aktif dalam kalangan majoriti penduduk, terutamanya dalam domain sosial tidak formal seperti keluarga dan persahabatan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa domain tidak formal sering menjadi benteng utama dalam mengekalkan bahasa dan dialek tempatan kerana ia berfungsi sebagai medium komunikasi identiti dan keintiman sosial (Fishman, 1972; Holmes, 2013). Namun, cabaran terhadap kesinambungan dialek ini semakin ketara apabila tekanan daripada proses standardisasi bahasa dalam sistem pendidikan dan media arus perdana menggugat ruang dan fungsi dialek tempatan (Gill, 2014; David, 2015). Pendedahan masyarakat kepada bahasa standard dan bahasa global seperti bahasa Inggeris juga mempercepatkan perubahan sikap terhadap dialek tempatan, terutamanya dalam kalangan generasi muda (Hashim & Tan, 2018; Pillai, 2020). Jika tiada usaha pemuliharaan yang sistematik dan berasaskan bukti, dialek seperti dialek Melayu Perlis berisiko mengalami penyusutan penggunaan, meskipun masih mempunyai nilai identiti yang tinggi dalam kalangan komuniti tempatan (UNESCO, 2011; Lewis & Simons, 2010).

Oleh itu, pemahaman tentang latar linguistik dan geobudaya dialek Melayu Perlis adalah amat penting untuk menilai tahap vitalitinya dalam masyarakat kontemporari. Pengiktirafan terhadap status dialek ini sebagai warisan tidak ketara perlu dikukuhkan dengan kajian empirikal yang menilai penggunaannya dalam domain harian, khususnya dalam konteks hubungan interpersonal seperti kekeluargaan dan persahabatan dua domain utama yang dikenal pasti oleh Fishman (1991) sebagai pusat pemindahan bahasa antara generasi. Pendekatan ini akan memberi asas kukuh dalam memahami kekuatan atau kerentanan dialek Melayu Perlis dalam menghadapi cabaran globalisasi linguistik yang kian mencabar.

Rajah 1

Peta Negeri Perlis



(Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis di <https://www.perlis.gov.my/investment/index.php/about-perlis-menu/13-about-perlis>)

Rajah 1 menunjukkan peta bagi negeri Perlis. Fokus untuk kajian ini ialah di kawasan Arau iaitu sebuah Bandar Diraja dan juga mukim di negeri Perlis. Arau terletak kira-kira 14 km dari tenggara Kangar. Arau dikenali sebagai Bandar Diraja kerana Istana Arau, iaitu kediaman rasmi Raja Perlis, terletak di sini. Arau juga merupakan kawasan yang strategik kerana salah satu stesen penting bagi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang menghubungkan ke arah utara (Thailand) dan selatan (hingga ke Johor). Arau juga menempatkan institusi pendidikan tinggi seperti Universiti Teknologi MARA (UITM) Perlis menjadikan ia pusat pembelajaran utama di negeri itu. Arau masih mengekalkan banyak elemen tradisional seperti seni bina istana lama, adat istiadat diraja Perlis, serta kehidupan masyarakat yang berasaskan pertanian dan budaya Melayu utara.

Perubahan sosiobudaya seperti peningkatan kadar urbanisasi, peluasan sistem pendidikan berbahasa Melayu standard, dan dominasi media digital berbahasa formal telah memberi tekanan kepada kesinambungan penggunaan dialek tempatan. Situasi ini diburukkan lagi dengan kurangnya dokumentasi saintifik dan inisiatif pelestarian bahasa di peringkat negeri. Walaupun masyarakat Perlis masih menuturkan dialek dalam interaksi harian, belum ada kajian terperinci yang menilai tahap vitalitinya berdasarkan domain sosial tertentu secara sistematik. Domain keluarga dan persahabatan memainkan peranan kritikal kerana kedua-duanya merupakan ruang utama iaitu penurunan atau pemindahan bahasa berlaku secara intergenerasi (Fishman, 1991).

Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada tahap vitaliti dialek Melayu Perlis dengan memberi penekanan kepada domain keluarga dan persahabatan sebagai tapak utama pelestarian atau peralihan bahasa. Melalui kajian ini, penulis berhasrat untuk menilai sama ada dialek Melayu Perlis masih berfungsi secara aktif dalam komunikasi harian atau semakin mengalami penyusutan penggunaannya dalam kalangan komuniti setempat. Kajian ini juga penting untuk mengenal pasti corak penggunaan dialek berdasarkan faktor usia, hubungan kekeluargaan, dan dinamika sosial antara rakan sebaya. Penemuan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha pelestarian dialek tempatan serta memberi input bernilai kepada dasar linguistik dan pendidikan negeri Perlis dan Malaysia secara amnya.

1.1 Permasalahan Kajian

Dialek Melayu Perlis, sebagai salah satu varian dalam kelompok dialek Melayu Utara, merupakan cerminan identiti linguistik dan budaya masyarakat negeri Perlis yang berakar dari sejarah, geografi dan interaksi lintas budaya. Walau bagaimanapun, dalam arus perubahan sosio-budaya yang pesat akibat globalisasi dan mobiliti sosial, terdapat kebimbangan yang nyata terhadap tahap vitaliti dialek ini, khususnya dalam domain tidak formal seperti keluarga dan persahabatan. Seiring dengan pandangan Fishman (1991) yang menekankan peranan penting domain sosial dalam pemeliharaan bahasa minoriti, penurunan penggunaan dialek Perlis dalam interaksi harian berpotensi menjadi petunjuk awal kepada peralihan linguistik yang lebih luas dalam komuniti setempat.

Fenomena urbanisasi, pendidikan formal berasaskan bahasa Melayu standard, serta peningkatan penggunaan bahasa Melayu standard dan Inggeris di media digital telah mencabar kedudukan dialek Perlis, terutama dalam kalangan generasi muda yang semakin jauh daripada akar linguistik warisan. Domain keluarga misalnya, penggunaan dialek dalam kalangan ibu bapa dan anak-anak semakin terhad kepada bentuk-bentuk tertentu atau digantikan sepenuhnya dengan bahasa standard bagi tujuan kefahaman atau penyesuaian norma sosial yang lebih luas. Begitu juga dalam domain persahabatan, interaksi rakan sebaya kini sering berlaku melalui medium digital yang tidak menggalakkan penggunaan bentuk dialek, bahkan cenderung menghapuskan ciri tempatan demi kefahaman sejagat.

Tambahan pula, kedudukan geografi Perlis yang bersempadan dengan Thailand menghasilkan hubungan linguistik dan budaya yang kompleks. Walaupun kekayaan ini membentuk kepelbagaian leksikal yang unik, ia juga membuka ruang kepada kemungkinan pelunturan dialek apabila tiada usaha dokumentasi dan pelestarian dilakukan. Ketiadaan dasar pelindung terhadap dialek tempatan dalam dasar pendidikan dan kebudayaan turut menyumbang kepada penyusutan fungsi dialek dalam kehidupan seharian masyarakat.

Oleh itu, kajian ini mengambil pendekatan untuk meneliti secara kritikal tahap penggunaan dialek Perlis dalam domain keluarga dan persahabatan dengan memberi tumpuan kepada sejauh mana ia digunakan dalam interaksi harian, serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada pemuliharaan atau kemerosotannya. Kajian ini juga berhasrat untuk mengisi jurang penyelidikan sedia ada yang masih belum banyak menyentuh aspek vitaliti dialek Perlis dalam domain sosial mikro, seterusnya menyumbang kepada wacana pelestarian bahasa minoriti tempatan di Malaysia dalam konteks kontemporari.

2. Kosa Ilmu

Sorotan kajian terhadap dialek Melayu Perlis memperlihatkan perkembangan yang memberangsangkan dari segi pendekatan dan tumpuan analisis, mencerminkan kesungguhan sarjana tempatan dalam mendokumentasi dan memahami sistem linguistik wilayah utara Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, corak penyelidikan sedia ada menunjukkan tumpuan yang agak berat kepada aspek deskriptif dan geolinguistik, manakala dimensi sosiolinguistik yang berkaitan dengan fungsi sosial dan vitaliti dialek masih belum diterokai secara mendalam.

Antara sumbangan utama ialah kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Noriati Muhamad (2017) yang meneliti kata soal dalam dialek Melayu Perlis. Mereka mendapati bahawa bentuk kata soal mempunyai kedudukan yang fleksibel dalam ayat yang boleh hadir di awal, pertengahan atau akhir serta berbeza daripada struktur bahasa Melayu standard. Dapatan ini memberikan pemahaman penting terhadap sistem sintaktik dialek tersebut, namun tidak menjelaskan sejauh mana variasi ini berkait dengan konteks sosial dan domain penggunaan penutur. Justeru, potensi untuk memperluas kajian ini ke arah bidang sosiolinguistik masih besar. Kajian oleh Ainur Syakirah Muhd Hissam dan Zuliana Zubir (2022) pula memberi tumpuan kepada aspek leksikal melalui analisis kata pinjaman Arab seperti *kafir*, *takdir* dan *sahur*. Walaupun analisis ini memperlihatkan keupayaan dialek Melayu Perlis menyesuaikan unsur luar dalam acuan tempatan, fokusnya lebih kepada aspek fonologi dan semantik, bukan terhadap bagaimana bentuk pinjaman ini digunakan dalam konteks sosial sebenar. Pendekatan transformasi generatif dan geolinguistik yang digunakan juga menjadikan dapatan bersifat linguistik struktural semata-mata, tanpa mengaitkan aspek fungsi atau sikap penutur terhadap dialek tersebut.

Sementara itu, penyelidikan Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2019) yang menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) berjaya menghasilkan pemetaan geodialek yang menunjukkan taburan variasi fonologi dan leksikal mengikut kawasan. Walaupun kajian ini penting dari segi pendokumentasian, penekanan terhadap teknik pemetaan geolinguistik tidak sepenuhnya relevan dengan tujuan memahami penggunaan dialek dalam domain sosial. Dalam konteks sosiolinguistik, GIS hanya dapat menyumbang kepada peringkat deskriptif, bukan menjelaskan corak pilihan bahasa, tahap vitaliti atau hubungan sosial antara penutur. Oleh itu, pendekatan ini perlu dilengkapi dengan analisis interaksi sebenar dalam komuniti penutur untuk membina gambaran menyeluruh tentang kelangsungan dialek Melayu Perlis. Dari sudut teori, penyelidikan berkaitan vitaliti bahasa dan domain penggunaan masih terhad dalam konteks dialek tempatan. Kajian berasaskan kerangka domain oleh Fishman (1972) telah digunakan secara meluas untuk menganalisis pola penggunaan bahasa dalam komuniti berbilang bahasa di peringkat global. Sebagai contoh, Boix-Fuster (2010) menunjukkan bagaimana penggunaan bahasa Catalan kekal aktif dalam domain kekeluargaan dan persahabatan sebagai benteng identiti etnolinguistik, manakala King (2001) melalui kajian terhadap bahasa Maori menegaskan bahawa kesinambungan antara generasi bergantung pada interaksi harian dalam domain tidak formal. Kajian seperti David dan Naji (2000) terhadap masyarakat Tamil di Malaysia dan Pillai (2020) terhadap dialek Melayu Kedah di Pulau Pinang turut mengesahkan bahawa faktor domain memainkan peranan penting dalam mengekalkan bahasa warisan. Dalam konteks dialek Melayu Perlis, pendekatan berasaskan domain ini masih belum diaplikasikan secara empirikal, walaupun sesuai digunakan untuk menilai vitaliti dan fungsi sosial dialek tersebut.

Secara keseluruhan, sorotan terhadap kajian terdahulu menunjukkan bahawa penyelidikan mengenai dialek Melayu Perlis masih bersifat terpecah antara deskripsi linguistik dan pemetaan geografi, tanpa menelusuri dimensi sosial penggunaan dialek secara mendalam. Ruang ini wajar diisi dengan kajian yang berorientasikan sosiolinguistik, khususnya yang menggabungkan kerangka domain

Fishman (1972) dan penilaian vitaliti bahasa seperti yang disarankan oleh UNESCO (2011) serta Lewis dan Simons (2010). Kajian sebegini bukan sahaja dapat memperkukuh pemahaman terhadap tahap penggunaan dialek tetapi juga memberi asas empirikal bagi strategi pelestarian dialek Melayu Perlis dalam menghadapi pengaruh standardisasi dan perubahan budaya masa kini.

3. Kerangka Kajian

Kajian ini berpanduan dua kerangka utama yang saling melengkapi, iaitu Domain Pemilihan Bahasa oleh Fishman dan Greenfield (1970) serta Teori Vitaliti Bahasa oleh UNESCO (2011). Kedua-dua kerangka ini diguna pakai bagi memahami secara menyeluruh pola dan fungsi penggunaan dialek Melayu Perlis dalam konteks sosial yang berbeza, khususnya dalam domain keluarga dan domain persahabatan. Melalui gabungan dua kerangka ini, analisis bukan sahaja menilai bentuk dan corak petuturan, tetapi juga tahap pengekalan dialek dalam menghadapi tekanan bahasa dominan.

Rakaman perbualan yang diperoleh daripada informan dianalisis melalui pendekatan analisis domain sosiolinguistik berasaskan Fishman dan Greenfield (1970). Data yang dikumpulkan secara naturalistik (rakaman tidak sedar) ditranskripsi secara verbatim menggunakan tatacara penulisan linguistik lapangan. Analisis ini menerapkan kaedah analisis tematik sosiolinguistik, iaitu dengan meneliti hubungan antara bentuk bahasa (variasi) dan fungsi sosialnya dalam interaksi. Bagi setiap petikan perbualan, aspek seperti peserta (siapa yang berinteraksi), tempat interaksi, dan topik perbualan dikenal pasti untuk menentukan domain yang relevan (Fishman & Greenfield, 1970; Winford, 2003). Melalui pengekodan ini, corak pilihan bahasa serta sejauh mana dialek dikekalkan atau dipengaruhi oleh bahasa lain dapat dikenal pasti.

Domain Fishman & Greenfield (1970)

Konsep domain seperti yang diperkenalkan oleh Fishman dan Greenfield dalam kajian mereka mengenai penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat dwibahasa Puerto Rico (Fishman, 1971) bertujuan untuk menerangkan pilihan bahasa dipengaruhi oleh konteks sosial yang khusus. Mereka mengenal pasti bahawa pemilihan bahasa dalam interaksi harian sangat bergantung kepada tiga komponen utama: siapa yang terlibat (peserta), iaitu interaksi berlaku (lokasi), dan apa yang dibincangkan (topik). Melalui pendekatan ini, lima domain utama dikenal pasti, iaitu: keluarga, persahabatan, agama, pendidikan dan pekerjaan iaitu setiap domain memperlihatkan pola penggunaan bahasa yang unik dan berbeza. Jadual berikut memaparkan struktur asas model domain seperti yang dihuraikan oleh Fishman dan Greenfield (1970):

Jadual 1

Model Domain Pemilihan Bahasa Fishman & Greenfield (1970)

Domain	Peserta	Tempat	Topik
Keluarga	Ibu-Bapa	Rumah	Bagaimana menjadi anak yang baik
Persahabatan	Teman	Di luar sekolah	Bagaimana cara memainkan suatu permainan
Agama	Petugas agama	Gereja	Bagaimana menjadi penganut agama yang baik
Pendidikan	Guru	Sekolah	Bagaimana menyelesaikan masalah algebra.
Pekerjaan	Pekerja	Tempat Kerja	Bagaimana melakukan pekerjaan dengan lebih berkesan

(sumber: Fishman, J. A., & Greenfield, L. (Eds.). (1970)

Menurut Winford (2003), analisis domain membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap pola umum pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat dwibahasa. Melalui pendekatan ini, dapat dilihat bagaimana individu menyesuaikan pilihan bahasa mereka berdasarkan konteks sosial yang berbeza, sekali gus memperlihatkan corak pertuturan yang berlaku secara semula jadi dalam interaksi harian.

Sehubungan itu, kajian ini memberi tumpuan kepada pola komunikasi dalam kalangan penutur jati dialek Perlis, khususnya dalam domain keluarga dan persahabatan. Data yang dianalisis merangkumi dialog yang berlaku dalam kalangan penutur tempatan sama ada sesama penutur dialek Perlis mahupun dengan individu dari luar komuniti. Melalui penganalisan terhadap hubungan antara pilihan kod bahasa dan domain interaksi, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengekalan atau pengaruh bahasa lain terhadap struktur pertuturan dialek Perlis.

Teori Vitaliti Bahasa UNESCO 2011

Teori vitaliti bahasa yang diperkenalkan oleh UNESCO pada tahun 2011 bertujuan untuk mengenal pasti dan menilai tahap keterancaman bahasa-bahasa di seluruh dunia. Berdasarkan konteks globalisasi yang semakin pesat, banyak bahasa minoriti berada dalam bahaya pupus, kerana mereka semakin digantikan oleh bahasa yang lebih dominan. Teori ini menyediakan kerangka kerja yang sistematik untuk menilai keberlangsungan sesuatu bahasa berdasarkan kriteria tertentu, dengan tujuan untuk melindungi dan memulihara bahasa-bahasa yang terancam. Berdasarkan pendekatan ini, UNESCO berusaha untuk memastikan bahawa kepelbagaian linguistik dunia dapat dipertahankan dan dipelihara untuk generasi akan datang. Jadual 2 memaparkan perincian Teori Vitaliti UNESCO 2011.

Jadual 2

Teori Vitaliti UNESCO (2011)

Tahap Keterancaman	Bahasa Pengantaraan Antara Generasi
Selamat	Sesebuah bahasa itu dituturkan oleh semua generasi; Tiada gangguan dalam menurunkan bahasa antara generasi ke generasi.
Stabil namun terancam	Kebanyakan kanak-kanak boleh bercakap sesebuah bahasa itu tetapi ia mungkin terhad kepada domain tertentu (misalnya domain rumah).
Pasti terancam	Kanak-kanak sudah tidak lagi menggunakan bahasa ibu di rumah.
Amat terancam	Sesebuah bahasa itu hanya dituturkan oleh datuk dan nenek moyang manakala generasi ibu bapa mungkin hanya memahaminya, mereka tidak bercakap dengan anak-anak atau dalam kalangan mereka sendiri
Terancam secara kritikal	Generasi penutur terdiri daripada datuk dan nenek dan generasi yang lebih tua, dan mereka tidak menguasai bahasa ibu mereka dan menggunakan sebahagiannya sahaja
Pupus	Tiada lagi penutur yang tinggal.

(Sumber: UNESCO. (2011). Language vitality and endangerment. *UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages*. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf00000183699>

Walaupun dialek Perlis masih diketahui sebagai bahasa yang dominan dalam kalangan penduduk setempat, kajian ini bertujuan untuk meneliti situasi semasa, khususnya di Arau, Perlis dalam menghadapi cabaran globalisasi yang semakin mendesak. Pengaruh globalisasi juga boleh mengakibatkan pengekalan atau peralihan dalam penggunaan dialek, kajian ini akan menyelidik sama ada dialek Perlis di Arau, Perlis masih berdaya tahan atau mula menunjukkan tanda-tanda keterancaman.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan sebenar dialek Perlis dalam era globalisasi kini.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan teknik Rakaman Tidak Sedar semasa di lapangan. Berdasarkan kajian linguistik, telah diakui sebagai teknik yang berkesan untuk merekod data penggunaan bahasa yang autentik. Pendekatan ini mengurangkan potensi bias yang mungkin timbul apabila peserta sedar bahawa mereka sedang diperhatikan. Menurut Erving Goffman (1959), manusia sering kali menyesuaikan tingkah laku mereka berdasarkan penonton atau konteks sosial. Oleh itu, rakaman tidak sedar membolehkan penyelidik menghindari fenomena "performative behavior", iaitu peserta mungkin mengubah cara mereka bertutur atau bertindak apabila mereka tahu mereka sedang direkodkan. Goffman menyatakan bahawa tingkah laku dalam situasi semula jadi lebih cenderung mencerminkan realiti sosial yang tidak dipengaruhi oleh kesedaran tentang pemerhatian. Selain itu, menurut Herb Clark dan Eve Clark (1997), rakaman tidak sedar memberikan pandangan mendalam tentang proses interaksi linguistik dalam konteks semula jadi. Teknik ini membantu dalam mengkaji penggunaan bahasa yang lebih spontan dan tidak di manipulasi, yang boleh memperkaya pemahaman penyelidik tentang struktur bahasa, penggunaan bahasa dalam konteks sosial, dan perubahan komunikasi. Mereka menegaskan bahawa data yang diperoleh melalui rakaman tidak sedar cenderung lebih representatif dan boleh dipercayai dalam menganalisis pola linguistik yang mungkin terjejas oleh pengaruh luar dalam situasi yang lebih terancang atau berstruktur. Melalui penggunaan rakaman tidak sedar, penyelidik dapat memperoleh gambaran yang lebih jitu dan semula jadi mengenai cara bahasa digunakan dalam situasi sehari-hari, memastikan data yang dikumpulkan lebih tulen dan mencerminkan penggunaan bahasa yang sebenar dalam situasi sebenar. Jadual 3 memaparkan pilihan bahasa.

Jadual 3

Pemilihan Bahasa dalam Dua Domain di Lokasi Terpilih di Arau, Perlis

Domain	Peserta	Tempat	Topik
Keluarga	Wanita berumur antara 40-an dan 50-an	Sesi 1- Kampung Alor Merah, Arau, Perlis	Seorang bayi yang digigit nyamuk
	Wanita berumur antara 30-an dan 40-an	Sesi 2- Pasar raya Cmart, Arau, Perlis	Bulan Ramadan
	Wanita berumur antara 20-an	Sesi 3- Taman RPA, Arau, Perlis	Kuih Spera
Persahabatan	Wanita berumur antara 40-an	Sesi 1- Nat pokok getah, Arau, Perlis	Pesta Angin Timur
	Wanita berumur antara 30-an dan 40-an	Sesi 2- Taman RPA, Arau	Pesta Angin Timur
	Wanita berumur antara 30-an dan 40-an	Sesi 3- Bazar Ramadan, Arau, Perlis	Bazar Ramadan

(Sumber diubahsuai daripada Fishman, J. A., & Greenfield, L. (Eds.). (1970)

Berdasarkan kajian ini, penulis pertama dan kedua telah terlibat secara langsung dalam aktiviti masyarakat dua domain yang berbeza, iaitu domain keluarga dan domain persahabatan di lokasi-lokasi terpilih di Arau, Perlis. Pengumpulan data melibatkan pemerhatian interaksi secara aktif dan rakaman percakapan dalam konteks semula jadi.

Pemilihan sampel bagi domain keluarga dan persahabatan dilakukan secara berstruktur tetapi naturalistik, dengan menetapkan kriteria tertentu bagi memastikan representasi sosial dan generasi yang

seimbang. Dalam domain keluarga, peserta terdiri daripada ahli keluarga. Dalam domain persahabatan pula, peserta merupakan rakan-rakan daripada pelbagai latar sosial dan pekerjaan yang mempunyai hubungan akrab dalam kehidupan seharian. Kriteria ini direka berdasarkan saranan Creswell (2014) yang menekankan kepentingan pemilihan sampel yang berdasarkan kepelbagaian (maximum variation sampling) untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan data kualitatif. Pendekatan ini memastikan setiap subkumpulan dalam populasi diwakili secara autentik, membolehkan perbandingan yang sahih antara corak interaksi antara kumpulan umur dan latar sosial yang berbeza.

Data diperoleh melalui rakaman tidak sedar (unobtrusive recording), iaitu rakaman dijalankan tanpa pengetahuan peserta tentang tujuan linguistik kajian semasa interaksi berlaku. Kaedah ini digunakan bagi mengelakkan penyesuaian tingkah laku linguistik (observer's paradox) dan bagi memastikan perbualan yang dirakam benar-benar mencerminkan pertuturan alamiah dalam konteks sebenar. Selain itu, topik perbualan tidak ditetapkan oleh pengkaji, tetapi dibiarkan berlaku secara spontan dan rawak, mengikut aliran interaksi harian peserta seperti berbual ketika makan bersama, berbelanja, atau berbincang tentang aktiviti seharian. Langkah ini sejajar dengan pendekatan etnografi linguistik yang menekankan konteks sosial semula jadi sebagai sumber data yang sahih (Hymes, 1974; Milroy, 1987). Setiap rakaman diproses dan ditranskripsi secara verbatim ke dalam dialek Melayu Perlis, sebelum diolah menggunakan simbol fonetik antarabangsa (IPA) untuk memastikan ketepatan representasi bunyi. Transkripsi fonetik dilakukan bagi semua segmen ujaran utama, khususnya bahagian yang menonjolkan variasi fonologi atau perbezaan sebutan antara generasi dan situasi.

4. Dapatan Kajian

Berdasarkan penyajian data, aksara yang ditebalkan (Bold) menandakan dialek Melayu Perlis, sementara kata atau frasa yang digaris bawah menunjukkan penggunaan bahasa atau dialek lain, dan yang tidak ditanda khas adalah bahasa Melayu standard. Oleh kerana keterbatasan ruangan dalam jurnal, pengkaji hanya membincangkan satu sesi dialog dari setiap domain yang dikaji. Secara keseluruhannya, terdapat 2 domain penggunaan bahasa yang dikaji, seperti berikut.

Domain Keluarga

a) Sesi Rakaman Pertama

R1: [a:tʃe:tʃe: kəneh sunḡuh məlampaw məlampaw du? səla? baɖʒu pasai apa]

R2: [diə suka du? səla? baɖʒu]

R1: [awat səla? baɖʒu]

R2: [haɲat]

R1: [tʃe? panas ka ha: Allah kəneh sunḡuh buɖa? ni e? haɓih ɲamuk kətɪf muka-muka haɓih]

R2: [taɲan-taɲan]

R1: [la: taɲan pun haɓih siaɲ ka malam ni]

R2: [malam]

R1: [kəɲaɲ ɲamuk tu]

R2: [darah manih lembut]

R1: [ɲamuk kəɲaɲ maɲaɲ diə nah]

Perbualan dalam domain keluarga ini memperlihatkan bahawa Dialek Melayu Perlis berfungsi sebagai medium komunikasi utama yang menzahirkan keakraban dan identiti kekeluargaan. Data menunjukkan penggunaan bentuk fonetik khas seperti penutupan glotal [ʔ] dan reduksi konsonan akhir [t̚], yang mengukuhkan keaslian sistem bunyi dialek berkenaan. Dari sudut sintaksis, pengguguran subjek, penggunaan partikel *ka* sebagai penanda interogatif, serta pengulangan kata untuk penegasan mencerminkan gaya pertuturan lisan yang bersahaja dan beremosi. Leksikal seperti *kəneh*, *du? səla?*, dan *ceq* pula menonjolkan ciri tempatan yang tidak ditemui dalam Bahasa Melayu standard, menandakan fungsi simbolik dialek dalam membina solidariti dan keintiman sosial. Ketidadaan campur kod menunjukkan bahawa penutur mengekalkan kesetiaan kepada dialek mereka dalam konteks kekeluargaan. Hal ini menegaskan bahawa dialek ini masih berperanan aktif dan memiliki tahap vitaliti yang tinggi dalam domain tidak formal, sekali gus memperlihatkan keberkesanan pemindahan antara generasi serta keutuhan identiti linguistik masyarakat Perlis.

b) Sesi Rakaman Kedua

- R1: [iʃˈ maŋaŋ apa kak paŋi ni ləpas ni taʔ bole daʔ naʔ maŋaŋ paŋi]
 R2: [tu aʔ dʒom pi kafe]
 R1: [kafe dʒa aː bole laː kak sat dʒa nah rasa naʔ posa daʔ esok lusa]
 R2: [haː tu noh taʔ lama daʔ ni soʔ pulak kita]
 R1: [kak duʔ maŋkiʔ daʔ soʔ]
 R2: [haː awai-awai maŋkiʔ la ina pahtu kadaŋ-kadaŋ diə dʒadi dʒugaʔ səgaŋ]
 R1: [hm mai kalau səgaŋ tu kak oːi diə kira naʔ lena dʒa]
 R2: [tu laː diə kira naʔ lena dʒa maŋkiʔ subuh dʒa]
 R1: [mau tu iʃ mau la dʒaʔ lena tu maŋkiʔ tʃələpaʔ aʔ]
 R2: [hm tʃələpaʔ aʔ pəgaŋ nuh pəgaŋ nih taʔ kəna daʔ]
 R1: [tu laː baro naʔ maŋaŋ noh]
 R2: [las-las maŋkiʔ minum ajaʔ dʒa]
 R1: [teŋok-teŋok dəŋaʔ baŋ subuh dʒa]

Perbualan ini menggambarkan interaksi harian antara dua ahli keluarga yang sedang berbual santai menjelang Ramadan. Dari segi pilihan bahasa, keseluruhan pertuturan menunjukkan penggunaan dialek Melayu Perlis sepenuhnya tanpa campur kod dengan bahasa Melayu standard atau bahasa luar. Keadaan ini memperlihatkan fungsi afektif dan solidariti sosial yang tinggi dalam domain keluarga, sejajar dengan kerangka Fishman (1972) yang menegaskan bahawa domain kekeluargaan menjadi ruang utama pemeliharaan bahasa dan pemindahan antara generasi. Dari sudut fonetik dan fonologi, beberapa ciri penting dialek dapat diperhatikan. Pertama, hentian glotal [ʔ] pada suku kata akhir seperti dalam [tʃələpaʔ] ('terlepas'), [soʔ] ('sahur'), dan [maŋkiʔ] ('bangkit') menjadi penanda fonologi yang dominan dan membezakan dialek ini daripada bahasa Melayu standard. Fenomena ini juga menandakan kecenderungan kepada ekonomi artikulasi, yang lazim dalam dialek utara. Bunyi /ɾ/ dalam [soʔ] pula memperlihatkan pengaruh fonem Arab yang telah diadaptasi ke dalam sistem fonologi tempatan, menggambarkan pertembungan antara bahasa dan agama dalam ruang pertuturan tempatan. Penggunaan vokal panjang seperti [aː] dalam bole laa dan tu laa pula menonjolkan intonasi yang lembut dan berirama, mencerminkan gaya komunikasi santai dalam domain keluarga ini.

Dari segi sintaksis, struktur ayat seperti "Tu laa. Baru nak makan." dan "Mau tu.. Ish mau lajak lena tu..." menunjukkan kebergantungan tinggi terhadap konteks situasi, yang menandakan gaya pertuturan spontan dan tidak formal. Ini selari dengan pemerhatian Labov (1972) bahawa bentuk linguistik dalam domain tidak formal cenderung bersifat tidak baku tetapi sangat signifikan secara sosial. Secara keseluruhannya, pilihan bahasa dalam rakaman ini memperlihatkan kesetiaan linguistik (language loyalty) dan fungsi simbolik dialek yang tinggi. Penggunaan dialek Melayu Perlis secara menyeluruh menunjukkan bahawa keluarga masih mengekalkan identiti linguistik tempatan sebagai lambang kebersamaan dan keakraban. Walau bagaimanapun, secara kritis, banyak bentuk fonetik seperti maŋkiʔ, ajaʔ, dan lajak lena turut ditemui dalam dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Perak Utara, maka sempadan ciri eksklusif dialek Melayu Perlis masih perlu diperhalusi melalui analisis perbandingan mikro antara mukim dan generasi. Namun demikian, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa domain keluarga kekal sebagai benteng utama pemeliharaan dan vitaliti dialek Melayu Perlis dalam konteks sosio-budaya kontemporari.

c) Sesi Rakaman Ketiga

- R1: [asalamuʔalaikum sofia haŋ duʔ mana tu]
 R2: [aku duʔ dəkat rumah ni duʔ pəsəh buat səpera]
 R1: [oː aku naʔ kəluaʔ pi rumah haŋ ni dəkat kampuŋ warna warni kələmp dak dəkat sana]
 R2: [dak aʔ tʃuatʃa eʔlok dʒa dəkat sini haŋ mai aʔ rumah aku kalau naʔ maŋaŋ səpera]
 R1: [oʔkei aku naʔ pi la ni]
 R2: [aku duʔ kukoʔ jok ni naʔ buat səpera nanti haŋ sampai haŋ habaʔ dəkat aku]
 R1: [iʃ aku səmaʔ pərut haŋ ni asiʔ-asiʔ səpera haŋ dʒa nanti adʒaʔ aku sama]
 R2: [haː haː okeː okeː haŋ kəna mai awai la nanti aku adʒaʔ haŋ laʔ]

R1: [oʔkei bai aku naʔ pi daʔ ni]

Rakaman ketiga ini menunjukkan pertuturan dua orang wanita yang berinteraksi dalam suasana kekeluargaan santai berkaitan aktiviti memasak di rumah. Pemilihan kod sepenuhnya dalam dialek Melayu Perlis menandakan tahap kesetiaan dialek yang tinggi serta fungsi afektif bahasa yang kuat. Dalam konteks sosial, interaksi ini berlaku antara penutur yang mempunyai hubungan rapat dan setara dari segi status sosial, justeru gaya bahasanya bersahaja, tidak formal dan penuh dengan elemen humor serta keakraban. Dari sudut fonetik dan fonologi, beberapa ciri khas dialek dapat dikenal pasti. Pertama, penutupan glotal [ʔ] jelas dalam kata seperti [*habaʔ*] (khabar), [*duʔ*] (duduk), [*pi*] (pergi), dan [*kukoʔ*] (kukor). Fenomena ini menjadi ciri dominan dialek Melayu Perlis dan menunjukkan kesinambungan fonologi dengan dialek utara yang lain. Selain itu, kehadiran bunyi vokal tengah [ə] dalam [*pəʃəh*] (perah) dan [*sepeɾə*] (serabai) memperlihatkan pola fonetik yang lembut dan berirama, sejajar dengan corak fonetik dialek utara Semenanjung. Aspek leksikal memperlihatkan penggunaan kosa kata unik seperti [*pəʃəh*] (perah), [*habaʔ*] (khabar), [*sepeɾə*] (serabai), [*duʔ*] (duduk), dan [*hanj*] (awak). Kesemua bentuk ini merupakan leksikal ikonik bagi dialek utara, namun dalam konteks dialek Melayu Perlis, penggunaannya masih berfungsi sebagai simbol identiti tempatan dan pembeza daripada dialek standard. Bentuk sapaan seperti *hanj* menggantikan *awak* atau *engkau*, menandakan jarak sosial yang rapat dan hubungan mesra antara penutur, selaras dengan fungsi interpersonal bahasa dalam domain keluarga.

Dalam konteks sosiolinguistik, pilihan bahasa ini menggambarkan tahap vitaliti yang tinggi bagi dialek Melayu Perlis dalam domain keluarga. Penggunaan dialek yang dominan, tanpa sebarang campur kod dengan bahasa Melayu standard, menunjukkan bahawa interaksi kekeluargaan masih berperanan sebagai ruang utama pewarisan bahasa antara generasi. Namun secara kritis, beberapa bentuk fonetik dan leksikal yang dikongsi dengan dialek Melayu Kedah menimbulkan persoalan tentang sempadan identiti linguistik Perlis yang sebenar. Untuk memperkukuh justifikasi bahawa bentuk-bentuk ini mewakili ciri eksklusif dialek Melayu Perlis, kajian lanjutan perlu melibatkan analisis perbandingan antara mukim serta variasi umur penutur. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, rakaman ini jelas menegaskan peranan domain kekeluargaan sebagai wahana utama kesinambungan dan pemeliharaan dialek dalam ekologi linguistik tempatan.

Rumusan Ketiga-Tiga Sesi Rakaman Domain Keluarga

Ketiga-tiga sesi rakaman dalam domain keluarga memperlihatkan bahawa dialek Melayu Perlis masih direalisasikan secara aktif dalam kalangan ahli keluarga sebagai medium komunikasi utama dan simbol identiti linguistik. Interaksi yang direkodkan berlaku dalam suasana santai dan berteraskan keakraban, mencerminkan ciri domain keluarga yang menekankan dimensi afektif, solidariti, dan kebergantungan sosial yang tidak formal. Keadaan ini selari dengan konsep *domain* yang diperkenalkan oleh Fishman dan Greenfield (1970), yang menjelaskan bahawa pemilihan bahasa dalam domain tertentu seperti kekeluargaan lazimnya stabil kerana berakar pada hubungan sosial yang intim, rutin harian yang berulang, serta tahap formaliti yang rendah.

Dalam sesi rakaman pertama, realisasi fonetik seperti hentian glotal [ʔ] dan pengurangan konsonan akhir [t̚], serta penggunaan leksikal seperti *kernyeh*, *duk selak*, dan *ketik* memperlihatkan sistem fonologi dan kosa kata yang mencirikan dialek Melayu Perlis. Struktur sintaktik eliptikal dan penggunaan bentuk pengulangan seperti *melampau... melampau* berfungsi sebagai strategi pragmatik untuk menandakan emosi dan penegasan. Ciri-ciri ini memperlihatkan *register* komunikasi kekeluargaan yang tidak formal, dengan fungsi afektif yang kuat dalam mengekalkan hubungan sosial intra-keluarga.

Sesi rakaman kedua pula menonjolkan ujaran yang berpusat pada aktiviti sahur menjelang Ramadan, memperlihatkan pengaruh kontekstual budaya tempatan terhadap bentuk linguistik yang digunakan. Kosa kata seperti *soɾ* ('sahur'), *manjit* ('bangun'), *lajak lena*, dan *tʃələpaʔ* memperlihatkan proses penyesuaian fonologi dan semantik dalam sistem dialek. Realisasi bunyi uvular /ɣ/ pada kata *soɾ* merupakan unsur adaptasi fonetik daripada kosa kata Arab yang diserap ke dalam sistem bunyi tempatan, menunjukkan bahawa dialek ini turut memanifestasikan unsur keagamaan dalam interaksi

domestik. Sesi rakaman ketiga pula memperlihatkan kehadiran elemen leksikal yang berkait rapat dengan aktiviti budaya dan gastronomi tempatan seperti *spera* (serabai), *kukoq nyok* (kukor kelapa), serta deiksis ruang seperti *nuh* dan *nih* yang menandakan jarak fizikal dan sosial dalam konteks perbualan. Struktur ayat seperti *aku nak pi la ni*, *mai awai laa*, dan *asyik-asyik spera hang ja* memperlihatkan bentuk elipsis dan *pengulangan pragmatik*, iaitu strategi wacana untuk mewujudkan humor dan kedekatan sosial. Ciri ini menunjukkan bahawa fungsi dialek dalam domain keluarga bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga mekanisme untuk menzahirkan identiti tempatan dan hubungan sosial yang akrab. Seperti diujahkan oleh Wardhaugh dan Fuller (2015), bahasa dalam domain keluarga lazimnya terlepas daripada tekanan norma standard, membolehkan variasi dialek berfungsi secara organik dan mengekalkan daya hidupnya dalam komuniti.

Secara keseluruhan, ketiga-tiga sesi ini memperlihatkan bahawa dialek Melayu Perlis bukan sekadar berfungsi sebagai alat komunikasi interpersonal, tetapi juga sebagai penanda identiti etnolinguistik dan agen pemeliharaan budaya. Ketekalan penggunaan dialek dalam domain keluarga menunjukkan bahawa hubungan sosial yang bersifat afektif dan intim memainkan peranan sebagai mekanisme utama *intergenerational language transmission*. Berdasarkan kerangka Fishman (1991), domain kekeluargaan berperanan sebagai tapak pertama dalam hierarki pemeliharaan bahasa minoriti. Justeru, domain keluarga dalam konteks masyarakat Perlis terbukti menjadi ruang linguistik yang dinamik, yang bukan sahaja mengekalkan struktur fonologi dan leksikal tradisional, tetapi juga memastikan vitaliti dialek Melayu Perlis terus berakar kukuh dalam ekosistem domestik dan budaya masyarakatnya.

Domain Persahabatan

Sesi Rakaman Pertama

R1: [asalamu?alaikum a:i awai kak ha?qi ni]

R2: [hola mai awai sikit ina buat awai sikit]

R1: [haiʃ fanʃən lah pagi-pagi nih]

R2: [fanʃən a: lapa? nih fanʃən fanʃən ga?]

R1: [makaŋ taŋ mana ha?qi ni kak tu la kəbulo? dah ni kak dʒom pi cari na? makaŋ taŋ mana-mana]

R2: [tu la noh ina tau dak ha? pesta aŋin timo? tu mula bila]

R1: [iʃ pərasan depa kata maʃam ha?qi ni kak oi ka dak lagi ta? kak tenok taŋ facebook]

R2: [kak tenok taŋ facebook]

R1: [em:]

R2: [tapi tu la ina huḍʒan la ni iʃ səlut nah]

R1: [mau huḍʒan ni na? dʒalan dalam peta? bəndaŋ tu dʒənuh kak oi]

R2: [kəna pakai kasut phua tʃu kaŋ kalau gitu dʒom pi beli satgi]

R1: [mau kəlbə? tu nah]

R2: [ha: dʒom dʒom]

Perbualan ini mewakili domain persahabatan dan memperlihatkan penggunaan dialek Melayu Perlis sebagai medium interaksi utama antara dua rakan wanita dalam suasana pagi yang santai. Pemilihan kod sepenuhnya dalam dialek tempatan menandakan kesetiaan linguistik (*language loyalty*) yang tinggi serta peranan dialek sebagai penanda keakraban sosial dan kesamaan identiti. Dalam konteks domain Fishman (1972), situasi ini mencerminkan fungsi sosial bahasa dalam mengeratkan hubungan interpersonal melalui bentuk pertuturan yang tidak formal dan spontan. Dari segi fonetik dan fonologi, bentuk hentian glotal [ʔ] dalam *kəbulo?*, *lapa?*, dan *timo?* kekal menjadi ciri utama dialek Melayu Perlis, sekali gus memperlihatkan kesinambungan sistem fonologi utara. Bentuk vokal panjang seperti [a:] dalam *fanʃən a:* dan penurunan vokal tengah dalam *kəlbə?* menunjukkan kecenderungan kepada pola sebutan yang longgar dan bersahaja. Kewujudan unsur pinjaman fonetik seperti [fanʃən] (daripada *function*) memperlihatkan proses penyesuaian morfofonemik, di mana kata pinjaman Inggeris diolah mengikut sistem fonologi tempatan. Ini membuktikan fleksibiliti penutur dalam menyesuaikan bentuk asing tanpa menjejaskan identiti dialek.

Dari aspek leksikal, kosa kata seperti *kəbulo?* (lapar sangat), *selut* (lumpur), dan *nah* (penanda penguat) merupakan bentuk yang membawa nilai indeksikal yang kuat terhadap identiti utara. Penggunaan bentuk seruan seperti *kak oi*, *nah*, dan partikel *noh* pula menonjolkan fungsi pragmatik sebagai penanda emosi dan keakraban. Dari perspektif sociolinguistik, pilihan bahasa dalam rakaman ini memperlihatkan fungsi dialek sebagai alat komunikasi dan simbol identiti tempatan. Pertuturan yang sepenuhnya dalam dialek menandakan keberterusan penggunaan bahasa warisan dalam domain persahabatan, yang menurut Holmes (2013) berperanan sebagai ruang bagi pembinaan solidariti dan pemupukan nilai komuniti. Walau bagaimanapun, secara kritis, kehadiran bentuk pinjaman seperti *function* dan *Phua Chu Kang* memperlihatkan unsur modenisasi leksikal yang mungkin menunjukkan peralihan kecil dalam dialek akibat pengaruh budaya popular dan media massa. Namun begitu, realisasi fonetik dan struktur sintaktik dialek kekal kukuh, membuktikan bahawa dialek Melayu Perlis masih vital dan berfungsi sebagai penanda kohesi sosial serta simbol keakraban antara rakan-rakan dalam komuniti tempatan.

Sesi Rakaman Kedua

R1: [we? kak d̥ʒa ka tau aku na? pi kənduqi rumah t̥ʃi? nap t̥ʃi? nap kata diə paŋgil kənduqi səpupu diə dəkət mes pegawai dalam kad pahtu aku ni pi tənok skali lagi kad tənok-tənok iʃ bətoi ka dak ni kənduqi bərkhatan tənok-tənok bətoi diə tulih kənduqi bərkhatan tapi ya Allah buat kənduqi grən-grən ta? san̄ga mat̥ʃam oraŋ nikah tu]

R2: [tu noh kita pi nah]

R1: [ha kita pi satgi la: ni baru pukoi sebelas kita pi dalam ləpas-ləpas zohə? gitu]

R2: [haŋ mai ami? aku dəkət rumah noh]

R1: [ha: bole aku pi ami? haŋ nah pahtu we? aku na? tana haŋ gəna apa t̥ʃəyita pesta aŋin timo?]

R2: [paka?-paka? main kəlbə? ha ha ha]

R1: [kali tu bukan pesta aŋin timo? d̥ʒadi pesta aŋin kəlbə? gitu ha: puaih kali tu na? tan̄kap ikan itik dalam peta? aku tənok keta bərapa biḍʒi? təkandas dalam tu ta?tau na? buat gəna]

Perbualan ini berlaku antara dua sahabat yang berbincang tentang jemputan kenduri dan keadaan cuaca di kawasan setempat. Pilihan bahasa dalam keseluruhan interaksi menunjukkan penggunaan sepenuhnya Dialek Melayu Perlis, tanpa campur kod dengan bahasa standard atau bahasa asing. Fenomena ini menandakan kesetiaan linguistik (language loyalty) dan memperlihatkan fungsi sosial dialek sebagai alat pembinaan solidariti komuniti. Dari perspektif domain Fishman (1972), situasi ini menggambarkan bahawa domain persahabatan merupakan lanjutan semula jadi kepada domain keluarga, di mana hubungan keakraban mendorong penggunaan dialek sebagai medium komunikasi utama yang bebas daripada tekanan norma standard.

Dari sudut fonetik dan fonologi, ujaran ini mengekalkan ciri utama dialek Melayu Perlis, iaitu realisasi hentian glotal [ʔ] pada akhir suku kata seperti dalam [timoʔ], [petaʔ], dan [biḍʒiʔ], serta penggunaan konsonan lateral bersuara [l] dalam [kəlbəʔ] yang menggantikan suku kata *kel-* dalam bahasa Melayu standard. Ciri ini menonjolkan aspek ekonomi artikulasi yang lazim dalam dialek utara serta menjadi identiti fonologi penutur Perlis. Dari segi leksikal, kosa kata seperti *kəlbəʔ* (berlumpur), *pukoi* (jam/pukul), *satgi* (sebentar lagi), dan *pahtu* (selepas itu) memperlihatkan ciri khas dialek yang dikekalkan dalam kehidupan seharian. Secara sociolinguistik, pilihan kod ini menandakan bahawa dialek Melayu Perlis masih berfungsi sebagai simbol identiti tempatan dan penanda solidariti rakan sebaya. Keakraban sosial yang ditunjukkan melalui penggunaan bentuk-bentuk dialektal, humor bersama, dan struktur ujaran spontan membuktikan bahawa dialek ini kekal relevan dalam domain persahabatan.

Sesi Rakaman Ketiga

R1: [la: pukoi bərapa pukoi empat dah ni dəkət empat setəŋah dah ni we? kəmas-kəmas]

R2: [we? kita sələlu balik pukoi empat bapa? kərd̥ʒa sunguh aih ralit ta? tənok d̥ʒam]

R1: [nuh na? pi bazəŋ apa satgi bərd̥ʒəyəmbap dəŋaŋ ramai oraŋ ta?tau la:]

R2: [we? sunguh d̥ʒuga? nah mau lambat-lambat kita sələlu pi pukoi empat noh ni empat ləbeh dah ni tobat puja ramai ni]

R1: [d̥ɔm la: kəlɔj depa skali kot depa na? pi]

R2: [ha: bətoi d̥ɔga? tadi depa du? kata na? pi bazax̣ d̥ɔga? harini paka? malas masa? harini]

R1: [kelia d̥ɔm kəlɔj tu pi təruih]

Perbualan ini memperlihatkan interaksi rakan sekerja yang menggunakan dialek Melayu Perlis sepenuhnya dalam suasana tidak formal selepas waktu kerja. Pemilihan kod bahasa ini memperlihatkan kesetiaan linguistik dan fungsi sosial dialek sebagai alat komunikasi harian yang mengekalkan keakraban dan humor antara rakan sebaya. Menurut Fishman (1972), domain persahabatan berperanan penting dalam mengekalkan bahasa warisan kerana hubungan sosialnya bersifat setara dan bebas daripada tekanan formal.

Dari sudut fonetik dan fonologi, beberapa ciri penting dialek Melayu Perlis dapat dikenal pasti. Pertama, realisasi hentian glotal [ʔ] pada akhir suku kata dalam bentuk seperti [*ralit*] ('asyik'), [*bərd̥ɔgəmbap*] ('berdesak-desak'), dan [*kəlɔj*] ('ajak') menunjukkan kesinambungan sistem bunyi dialek utara yang mengekalkan struktur bunyi tidak bersuara pada posisi akhir. Vokal panjang seperti [a:] dalam *laa*, serta konsonan bersuara geseran velar [ɣ] dalam [*bərd̥ɔgəmbap*], memperlihatkan inovasi fonetik yang membezakan dialek Melayu Perlis daripada dialek Melayu Kedah atau dialek Melayu Perak Utara.

Dari sudut sosiolinguistik, penggunaan dialek Melayu Perlis dalam perbualan ini memperlihatkan fungsi sosial yang kuat dalam mengukuhkan kohesi kumpulan dan solidariti komuniti. Pilihan kod bahasa yang bersifat endoglosik (in-group) menunjukkan bahawa penutur lebih selesa menggunakan dialek berbanding bahasa Melayu standard dalam situasi santai. Secara keseluruhan, rakaman ini menegaskan bahawa domain persahabatan berfungsi sebagai wahana utama bagi pengukuhan vitaliti dialek Melayu Perlis, di mana bahasa bukan sahaja menjadi alat komunikasi, tetapi juga simbol solidariti, humor, dan gaya hidup komuniti tempatan.

Rumusan Ketiga-Tiga Sesi Rakaman Domain Persahabatan

Ketiga-tiga sesi rakaman dalam domain persahabatan memperlihatkan bahawa dialek Perlis masih berfungsi sebagai medium komunikasi utama dalam kalangan rakan sebaya, khususnya dalam situasi tidak formal. Interaksi antara rakan-rakan ini memperlihatkan pertuturan yang santai, spontan, dan sarat dengan kosa kata serta struktur sintaksis yang mencerminkan keunikan dialek Perlis. Hal ini menyokong pandangan Fishman (1971) bahawa domain persahabatan merupakan ruang sosial yang membenarkan kebebasan linguistik dan sangat kondusif bagi kelangsungan bahasa minoriti kerana hubungan dalam domain ini biasanya berdasarkan keakraban dan kesamaan latar.

Sesi Rakaman Pertama menonjolkan penggunaan kosa kata seperti "*lapaq*", "*kebuloq*", "*function*", dan rujukan kontekstual kepada acara *Pesta Angin Timur*, sekali gus menunjukkan dialek digunakan untuk menyampaikan maklumat tetapi juga untuk menyatakan emosi dan humor. Penggunaan partikel dialek seperti "*nooh*", "*ka dak lagi tah*" serta struktur soalan yang tidak formal mencerminkan spontaniti komunikasi dalam kalangan rakan-rakan.

Sesi Rakaman Kedua, gaya penceritaan menjadi ciri utama pertuturan. Responden menggunakan struktur naratif yang panjang untuk berkongsi pengalaman tentang majlis kenduri, dengan pengulangan frasa seperti "*taktau nak buat gena*", dan rujukan kepada *Pesta Angin Keleboq* yang disampaikan dalam bentuk sindiran lucu. Perbualan ini menunjukkan bahawa domain persahabatan menyediakan ruang bagi ekspresi kreatif dialek, serta menjadi wadah untuk pertukaran cerita yang mengandungi elemen budaya, sosial, dan lokaliti.

Sesi Rakaman Ketiga pula memberi tumpuan kepada perancangan aktiviti bersama, iaitu untuk ke bazar, yang turut memperlihatkan penggunaan leksikal dialek seperti [*pukɔj*], [*ralit*], [*bərd̥ɔgəmbap*], [*kəlɔj*] dan [*təruih*]. Struktur dialog yang pendek dan padat, penggunaan deiksis seperti "*nuh*", serta penggunaan ganti nama seperti "*depa*" dan "*kita*" menggambarkan sifat pertuturan kolaboratif dan mesra dalam kalangan rakan. Intonasi yang penuh ekspresi serta penggunaan

pengulangan seperti “keloi-keloi” menambah kesan retorik dalam komunikasi dan memperkukuh solidariti antara rakan.

Ketiga-tiga sesi ini dengan jelas menunjukkan bahawa dialek Perlis digunakan secara aktif dalam domain persahabatan, tetapi juga berperanan sebagai medium penyampaian identiti tempatan, humor, pengalaman bersama, dan perancangan aktiviti harian. Menurut Holmes (2013) yang menekankan bahawa dalam domain persahabatan, bahasa digunakan bukan semata-mata untuk menyampaikan maklumat, tetapi untuk membina dan mengukuhkan hubungan sosial. Vitaliti dialek Perlis masih kukuh apabila dituturkan dalam kalangan rakan sebaya, khususnya dalam lingkungan sosial yang tidak menuntut formaliti bahasa standard.

Tahap Vitaliti Dialek Perlis dalam Domain Keluarga dan Persahabatan

Berdasarkan Jadual 4 yang merujuk kepada tahap vitaliti bahasa menurut UNESCO (2011), dialek Perlis dalam domain keluarga dan persahabatan boleh dikategorikan sebagai berada dalam keadaan “selamat”. Hal ini disokong oleh dapatan daripada ketiga-tiga sesi rakaman dalam kedua-dua domain tersebut yang menunjukkan bahawa dialek Perlis masih digunakan secara aktif dan konsisten oleh pelbagai lapisan usia, termasuk golongan muda dan dewasa, dalam konteks sosial tidak formal. Berdasarkan domain keluarga, pertuturan antara ahli keluarga memperlihatkan penggunaan kosa kata tempatan yang kukuh, struktur sintaksis dialek, dan bentuk ekspresi budaya yang diterapkan secara semula jadi dalam perbualan harian, seperti yang dibuktikan melalui penggunaan bentuk seperti “ceq”, “ketik”, “duk selak”, “soq”, dan “mangkit”.

Begitu juga dalam domain persahabatan, penggunaan dialek Perlis dilihat dominan dalam interaksi antara rakan sebaya, terutamanya ketika merancang aktiviti sosial, berbual tentang peristiwa semasa, serta bertukar cerita dan pengalaman harian. Frasa seperti “hang pi satgi”, “ralit tak tengok jam”, “berjeghembap”, “keloi depa”, serta penggunaan leksikal seperti “kenduqi”, “puaih”, “pakat-pakat”, dan “pukoi” menggambarkan fungsi dialek yang masih hidup dan produktif dalam perbualan tidak formal yang bersifat emosi dan ekspresif. Interaksi yang dirakam menunjukkan bahawa tidak berlaku gangguan dalam proses pewarisan bahasa ini antara generasi, malah wujud kesinambungan penggunaan dalam pelbagai situasi sosial harian. Justeru, tahap penggunaan dialek Perlis dalam kedua-dua domain ini membuktikan bahawa dialek tersebut masih berada dalam keadaan yang stabil dan menunjukkan tanda-tanda vitaliti yang tinggi, terutamanya apabila digunakan dalam ruang sosial utama seperti keluarga dan persahabatan yang menjadi medan penting pemindahan bahasa antara generasi (Fishman, 1991). Oleh itu, menurut skala penilaian UNESCO (2011), dialek Perlis dalam konteks kajian ini menunjukkan bahawa ia masih selamat, tanpa ancaman signifikan terhadap kesinambungannya.

Jadual 4

Tahap Vitaliti UNESCO (2011)

Tahap Keterancaman	Bahasa Pengantaraan Antara Generasi	Dialek Perlis di Arau Perlis
Selamat	Sesebuah bahasa itu dituturkan oleh semua generasi; Tiada gangguan dalam menurunkan bahasa antara generasi ke generasi	√
Stabil namun terancam	Kebanyakan kanak-kanak boleh bercakap sesebuah bahasa itu tetapi ia mungkin terhad kepada domain tertentu (misalnya domain rumah)	X
Pasti terancam	Kanak-kanak sudah tidak lagi menggunakan bahasa ibu di rumah.	X
Amat terancam	Sesebuah bahasa itu hanya dituturkan oleh datuk dan nenek moyang manakala generasi	X

	ibu bapa mungkin hanya memahaminya, mereka tidak bercakap kepada dengan anak-anak atau dalam kalangan mereka sendiri.	
Terancam secara kritikal	Generasi penutur terdiri daripada datuk dan nenek dan generasi yang lebih tua, dan mereka tidak menguasai bahasa ibu mereka dan menggunakan sebahagianya sahaja.	X
Pupus	Tiada lagi penutur yang tinggal.	X

(Sumber: Diubahsuai daripada UNESCO. (2011). Language vitality and endangerment. *UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages*. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000183699>

4. Analisis Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dialek Perlis masih digunakan secara aktif dan konsisten dalam kalangan masyarakat tempatan, khususnya dalam domain keluarga dan persahabatan. Melalui analisis tiga sesi rakaman bagi setiap domain, jelas dapat dilihat bahawa penutur daripada pelbagai peringkat umur masih menggunakan dialek Perlis sebagai medium komunikasi harian, terutamanya dalam konteks tidak formal. Hal ini selari dengan pandangan Fishman (1972) yang menegaskan bahawa domain seperti keluarga dan persahabatan berperanan sebagai tapak utama pemindahan bahasa antara generasi. Pertuturan dalam domain ini biasanya bersifat intim, mesra, dan tidak terikat kepada norma linguistik rasmi, sekali gus memberikan ruang semula jadi kepada dialek untuk terus hidup dan berkembang.

Dapatan ini turut disokong oleh Holmes (2013), yang menyatakan bahawa dalam domain sosial tidak formal, identiti linguistik lebih mudah dizahirkan melalui dialek kerana ia menandakan keakraban dan kesetiaan kepada komuniti asal. Dalam konteks ini, interaksi yang melibatkan penggunaan kata ganti seperti “*hang*”, “*ceq*”, “*aku*”, serta frasa khas seperti “*duk selak*”, “*berjeghembap*”, dan “*pakat-pakat*” menunjukkan penggunaan aktif dialek, tetapi juga kestabilan struktur dan keutuhan leksikalnya. Di samping itu, perbualan antara rakan dan ahli keluarga sering disulami dengan humor, sindiran ringan, dan ekspresi budaya setempat yang menjadi ciri khas dialek Perlis, seiring dengan konsep gaya pertuturan “solidarity” yang diperkenalkan oleh Wardhaugh & Fuller (2015).

Penggunaan kosa kata tempatan, partikel dialek, dan struktur ayat yang longgar tetapi pragmatik dalam kedua-dua domain juga menunjukkan bahawa dialek Perlis berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai penanda identiti kolektif. Ini membuktikan bahawa walaupun pengaruh bahasa Melayu standard semakin dominan dalam domain rasmi seperti pendidikan dan media, domain kekeluargaan dan persahabatan masih menjadi benteng utama bagi pemeliharaan dialek. Dengan itu, dapatan ini mengesahkan keberfungsian dialek dalam ruang sosial harian, tetapi turut membuktikan bahawa vitaliti dialek Perlis masih kukuh apabila diperhatikan dari lensa analisis domain seperti yang dicadangkan oleh Fishman dan disokong oleh pendekatan sociolinguistik kontemporari.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa dialek Perlis masih menunjukkan tahap vitaliti yang kukuh dalam kalangan komuniti tempatan, terutamanya dalam domain keluarga dan persahabatan. Analisis terhadap enam sesi rakaman memperlihatkan bahawa dialek ini digunakan secara aktif dalam interaksi harian, merangkumi pelbagai bentuk perbualan yang melibatkan naratif spontan, perancangan aktiviti, ekspresi emosi, dan pertukaran maklumat dalam suasana yang tidak formal. Ciri fonologi, leksikal dan sintaksis dialek Perlis yang unik dapat dikesan secara konsisten dalam semua sesi, termasuk penggunaan kata seperti “*ceq*”, “*hang*”, “*pakat*”, “*ralit*”, dan pelbagai bentuk partikel seperti “*laa*”, “*noh*”, “*nuh*” yang mencerminkan jati diri tempatan.

Domain keluarga, seperti yang diteorikan oleh Fishman (1991), merupakan medan paling penting dalam pemindahan bahasa antara generasi. Kajian ini mendapati bahawa dalam konteks keluarga, dialek

Perlis digunakan oleh penutur dewasa tetapi juga difahami dan digunakan oleh generasi muda, menunjukkan bahawa pemindahan intergenerasi masih berlaku secara semula jadi. Sementara itu, domain persahabatan pula berfungsi sebagai ruang sosial yang mengukuhkan solidariti linguistik, di mana penutur bebas mengekspresikan identiti mereka melalui penggunaan dialek secara kreatif dan ekspresif, seperti yang disokong oleh Holmes (2013) dan Wardhaugh & Fuller (2015).

Walaupun terdapat cabaran luaran seperti dominasi bahasa Melayu standard dalam pendidikan dan media, kajian ini tidak menemukan bukti yang signifikan bahawa dialek Perlis mengalami kepupusan fungsi dalam domain sosial utama yang dikaji. Malah, penggunaan dialek secara spontan dan tidak tergugat dalam kedua-dua domain menunjukkan bahawa ia masih menjadi pilihan utama dalam komunikasi interpersonal. Berdasarkan skala vitaliti UNESCO (2011), dialek Perlis boleh dikategorikan berada dalam tahap “selamat”, memandangkan ia dituturkan oleh semua generasi tanpa gangguan yang ketara dalam pewarisan linguistik.

Namun begitu, pemantauan berterusan amat penting agar kedudukan dialek ini tidak terjejas dalam jangka panjang. Usaha dokumentasi, pemerksaan melalui program kebudayaan, serta kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap nilai warisan linguistik tempatan perlu digerakkan secara lebih sistematik. Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan awal bagi penyelidikan selanjutnya dalam pelestarian dialek Perlis dan bahasa-bahasa warisan lain di Malaysia, khususnya melalui pendekatan domain dan teori vitaliti bahasa yang berasaskan bukti empirik dan kerangka sosiolinguistik yang mantap.

Penghargaan

Kajian ini disokong oleh Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2023/SS109/USM/02/2) yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia.

Rujukan

- Ahmad, Z., Jalaluddin, N. H., & Yusoff, Y. M. (2018). GIS Mapping of Dialect Variations in North Perak. *Dialectologia*, (20), 1-20.
- Boix-Fuster, E. (2010). *Catalan Sociolinguistics: Language, Society and Identity in Catalonia*. Bern: Peter Lang.
- David, M. K. (2015). *Language shift among the Malaysian communities*. In *Handbook of the Changing World Language Map* (pp. 2499–2512). Springer
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing language shift: Theoretical and empirical foundations of assistance to threatened languages*. Multilingual Matters.
- Fishman, J. A. (1972). *The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society*. Rowley, MA: Newbury House.
- Gill, S. K. (2014). *Language Policy Challenges in Multi-Ethnic Malaysia*. Springer.
- Hissam, A. S. M., & Zubir, Z. (2022). Variations of Arabic Loanwords in the Perlis Malay Dialect: Geolinguistic Analysis. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 4(2), 33-46. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v4i2.116>.
- Hashim, A., & Tan, M. Y. (2018). English in Malaysia: Current use and status. In Kirkpatrick, A. (Ed.), *The Routledge Handbook of World Englishes* (pp. 407–420). Routledge.
- Holmes, J. (2013). *An Introduction to Sociolinguistics* (4th ed.). Routledge.
- Kamus Dialek Perlis. (1992). Kangar: Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Perlis.
- Lewis, M. P., & Simons, G. F. (2010). *Assessing Endangerment: Expanding Fishman's GIDS*. *Revue Roumaine de Linguistique*, 55(2), 103–120.
- Mohamed Sultan, F. M., Jalaluddin, N. H., Radzi, H., Kasdan, J., & Suhaimi, M. F. A. (2019). *Perlis Malay Dialect: Mapping of Geodialect Using GIS*. *Akademika*, 89(2), 139–154. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8902-11>
- Muhd Hissam, A. S., & Zubir, Z. (2022). *Variations of Arabic Loanwords in the Perlis Malay Dialect: Geolinguistic Analysis*. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 4(2), 34–45. <https://ejbl.uis.edu.my/index.php/e-jbl/article/view/116ejbl.uis.edu.my+1ejbl.uis.edu.my+1>
- Nur Habibah, C. R., Aman, R., & Shahidi, A. H. (2019). Dialektologi Hulu Perak Utara: Implementasi sinkronik. *Jurnal Linguistik*, 23(2), 61–82.
- Nopiah, J., & Lawi, N. (2023). Bahasa slanga dalam kalangan masyarakat di media sosial: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 27(2), 43–59.
- Omar, A. (1985). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Omar, A. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pillai, S. (2020). Language maintenance and shift among Malaysians: Insights from urban multilingual communities. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 41(3), 227–243.
- UNESCO. (2011). Language vitality and endangerment. *UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages*. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000183699>
- Wardhaugh, R., & Fuller, J. M. (2015). *An Introduction to Sociolinguistics* (7th ed.). Wiley-Blackwell.
- Yop Othman, Z. H., Sha'ri, S. N., Abdul Aziz, A. Y., & Salina Husain, S. (2024). *Komponen Makna Leksikal "Tik" dalam Bahasa Melayu Dialek Utara: The Lexical Meaning Components of "Tik" in Northern Malay Dialect*. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 14(2), 81–91. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v14i2.11122>Google Scholar+3ResearchGate+3UMPSA Journal+3

Biodata Penulis

Dr. Mohd Khaidir bin Abdul Wahab merupakan pensyarah kanan di Bahagian Linguistik Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Shamin binti Sharif merupakan guru Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia.